

BAB 1

PENGENALAN

Dr. Mahathir Mohamad seorang yang keras, pintar dan praktikal.¹ Demikianlah pemerhatian yang dibuat oleh Margaret Thatcher bekas Perdana Menteri Britain. Dalam hubungan ini sudah menjadi pengetahuan umum bahawa pemerhatian itu sebenarnya berasaskan kepada tindakan Dr. Mahathir yang telah memulakan perubahan penekanan kepada dasar luar Malaysia semenjak tahun 1981 di mana ego Britain telah mendapat tamparan yang hebat. Dasar luar sesebuah negara ialah perlakuan dalam hubungan sesebuah negara dengan dunia luar di mana ia termasuklah hubungan dua hala dan hubungan pelbagai hala.²

Sebagai Perdana Menteri yang datang dari rakyat biasa beliau percaya pada pendekatan dan perbincangan terbuka untuk menyelesaikan pelbagai masalah. Seterusnya Dr. Mahathir juga menyatakan dasar luar Malaysia ialah bertujuan untuk bersahabat baik dengan semua negara tanpa mengira jenis kerajaan asalkan negara-negara tersebut tidak mencampuri halehwal dalam negeri Malaysia.³

Semenjak berkuasa Dr. Mahathir telah menjalankan dasar luar Malaysia berasaskan urutan rasmi di mana keutamaan pertama ialah negara-negara ASEAN diikuti oleh negara-negara Islam, seterusnya negara-negara berkecuali dan akhirnya negara-negara Komanwel. Perkembangan itu merupakan satu perkara yang baru dari

¹ Margaret Thatcher, *The Downing Street Years*, New York: Harper Collins Publishers, 1993), m.s. 502.

² Rajmah Hussein, "Malaysia's Foreign Policy", *Pentadbir*, Bil I, (Jun, 1993), m.s. 5.

³ J. Victor Morais, *Mahathir- A Profile of Courage*, (Petaling Jaya: Eastern Universities Press(M) Sdn. Bhd., 1982), m.s. 46.

segi perlakuan dalam menjalankan dasar luar negara⁴ berbanding dengan pemimpin-pemimpin Malaysia yang sebelum beliau.

1.2 Pernyataan Masalah dan Rasional Kajian

Matlamat utama kajian ini ialah untuk memberi kupasan terhadap perkembangan dasar luar Malaysia 1981-1995 dan kupasan yang lebih terperinci terhadap faktor kepimpinan atau personaliti Dr. Mahathir Mohamad dalam mewarnai dimensi politik dan keselamatan dalam hubungan Malaysia -Singapura. Pola-pola hubungan tersebut mungkin berbeda jika misal kata Dato Musa Hitam menjadi Perdana Menteri Malaysia dalam tempoh tersebut.

Dr. Mahathir pada awalnya dianggap memperjuangkan "*Malay Malaysia*"⁵ berasaskan bukunya "*The Malay Dilemma*" dan beliau tidak berminat terhadap kemasukan Singapura ke dalam Malaysia pada tahun 1963.⁶ Walaupun Singapura diterima, pemimpinnya Lee Kuan Yew yang memperjuangkan "*Malaysian Malaysia*" amat tidak disenangi oleh Kuala Lumpur yang mengakibatkan negara itu disingkirkan dari Persekutuan Malaysia pada tahun 1965.

Berbeda dengan tahun-tahun sebelum 1981 hubungan dua hala Malaysia - Singapura di bawah kepimpinan Dr. Mahathir telah bertambah baik secara relatif dan ini diakui oleh Lee Kuan Yew bahawa beliau telah banyak dapat melakukan kerja dalam masa sembilan tahun dengan Dr. Mahathir berbanding dengan dua puluh satu tahun di bawah tiga perdana menteri Malaysia sebelumnya.

⁴ Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995), m.s. 74.

⁵ Raj Vasil, *Ethnic Politics In Malaysia*, (New Delhi: Radiant Publishers, 1980), m.s. 218

⁶ Dr. Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, (Singapore: Times Book International, 1995), m.s. 179-180.

Dalam hubungan ini maka kajian ini akan hanya melibatkan dasar luar Malaysia era Dr. Mahathir pada amnya dan khususnya bagaimana kepimpinan beliau menggunakan dasar tersebut dalam pengurusan hubungan Malaysia-Singapura 1981-1995 dari dimensi politik dan keselamatan.

Hubungan Malaysia-Singapura dapat dianggap istimewa kerana faktor-faktor geografi, sejarah, ekonomi, budaya dan etnik. Sejarah hubungan Malaysia-Singapura menunjukkan pertelagahan terbuka telah terjadi dalam isu-isu sempadan, keselamatan dan politik. Tetapi kerjasama yang rapat juga wujud dalam pelbagai bidang yang lain, antaranya bidang keselamatan dan politik yang membuktikan istimewanya hubungan kedua negara ini.

Hubungan bilateral Malaysia dipilih sebagai bidang kajian kerana Dr. Mahathir menegaskan hubungan bilateral adalah penting dalam dasar luar beliau. Pada masa yang sama terdapat kontradiksi dalam pendekatan dasar luar pimpinan Dr. Mahathir di peringkat global berbanding dengan pelaksanaannya dalam hubungan Malaysia -Singapura. Kontradiksi tersebut diantara lainnya ialah seperti tindakan beliau memulaukan persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel, memulaukan mesyuarat Ketua-Ketua kerajaan APEC di Seattle, menjalankan dasar "*Buy British Last*", dan menjalankan hubungan yang dingin dengan Australia buat beberapa ketika. Seterusnya beliau mengkritik sikap bermuka-muka Kuasa-Kuasa Barat dalam isu alam sekitar, hak-hak asasi manusia, masalah Bosnia, isu Palestin, pelarian di Afrika dan Institusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang tidak demokratik..

Hubungan Malaysia-Singapura tidak sunyi daripada masalah, malah negara yang mengamalkan pemerintahan "*authoritarian*" di selatan Tambak Johor itu ada ketikanya mencampuri hal-ehwal dalam negeri Malaysia seperti melakukan kegiatan perisikan, menceroboh wilayah Malaysia, perebutan wilayah seperti Pulau Batu

Putih, pencabulan ruang angkasa Malaysia, menekan Keretapi Tanah Melayu supaya keluar dari Tanjung Pagar iaitu di "*Central Business District*" dan membuat kritikan terhadap dasar dalam negeri Malaysia secara terbuka seperti isu "*meritocracy*" dan akhir sekali mengutuk Johor yang dianggap sebagai sarang penjenayah. Semua isu-isu tersebut telah ditangani dengan lembut oleh Dr. Mahathir pada pandangan penulis. Lembut dalam kajian ini bermaksud Malaysia tidak mengambil tindakan tegas dan keras terhadap perlakuan Singapura ke atas Malaysia seperti yang dilakukan terhadap negara-negara lain. Malah Singapura diangkat martabatnya apabila Dr. Mahathir inginkan supaya Republik tersebut dijadikan model. Ini bertentangan dengan kenyataan Dr. Mahathir sendiri yang bermaksud kita tidak akan bersahabat dengan mana-mana negara yang campurtangan dalam hal ehwal dalam negara Malaysia.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini akan cuba menjawab soalan-soalan berikut setelah dianalisis secara kritikal.

- i. Apakah ciri-ciri utama kepimpinan Dr. Mahathir di dalam dan di luar negeri.
- ii. Apakah tema-tema utama dasar luar Malaysia 1981-1995.
- iii. Bagaimanakah faktor personaliti atau gaya kepimpinan Dr. Mahathir mewarnai cara-cara menyelesaikan masalah dan menangani isu-isu dalam hubungan kedua negara 1981-1995.
- iv. Bagaimanakah faktor sejarah mempengaruhi pengurusan hubungan dua hala di antara kedua negara.
- v. Apakah isu-isu utama dalam hubungan Malaysia-Singapura dalam era kepimpinan Dr. Mahathir.
- vi. Apakah kesan dasar luar dan pendekatan Malaysia era Dr. Mahathir dalam menguruskan hubungan Malaysia-Singapura kepada negara ini pada keseluruhannya.

1.4. Kepentingan Kajian

Pertamanya kajian ini diharap dapat memperdalam pengetahuan dan kefahaman penulis dan juga pembaca, terhadap dua perkara utama iaitu :

- a. pelbagai isu yang rumit dalam hubungan dua negara bertetangga dan seterusnya
- b. ketokohan dan kemahiran seorang pemimpin dalam mengendalikan hubungan antarabangsa yang secara relatif telah meningkatkan kesefahaman diantara kedua negara.

Keduanya kajian ini boleh dijadikan rekod sejarah dasar luar Malaysia yang inovatif dan penuh kontroversi di bawah pentadbiran Dr. Mahathir pada amnya dan dalam dimensi politik dan keselamatan dalam pengurusan hubungan Malaysia - Singapura 1981-1995 khususnya.

Ketiga dasar luar yang juga merupakan satu lanjutan kepada kehendak dan matlamat politik dalam negeri adalah satu aspek yang amat penting kepada sesebuah negara. Dalam hubungan ini perkembangan dalam pelaksanaan dan strategi dasar luar Malaysia dalam hubungan Malaysia -Singapura berbeda dengan apa yang diutarakan di pentas dunia antarabangsa. Ini membuktikan Dr. Mahathir yang awalnya berhadapan dengan "*The Malay Dilema*" juga menghadapi "*The Malaysian Dilema*". Kini perkembangan mutakhir juga membuktikan perjuangan "*Malay Malaysia*" Dr. Mahathir nampaknya telah berubah ke arah yang lebih liberal. Walaupun tidak menyerupai "*Malaysian Malaysia*" seperti yang digembar gemburkan Lee Kuan Yew antara tahun 1963-1965, tetapi permulaan pergerakan ke arah itu sukar dinafikan. Dasar domestik yang liberal sedemikian telah banyak membantu ke arah hubungan Malaysia-Singapura yang lebih normal. Ini kerana dasar luar merupakan lanjutan kepada dasar dalam negeri maka cara pengurusan Dr. Mahathir menunjukkan beliau seorang yang praktikal seperti yang ditanggapi oleh Margaret Thatcher.

Akhirnya hasil kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan ke arah meningkatkan kefahaman kedua-dua negara terhadap isu-isu dan masalah politik dan keselamatan yang telah dan sedang dihadapi. Dengan itu penemuan-penemuannya boleh dijadikan pengajaran untuk pelbagai pihak yang berkaitan.

1.5 Metodologi

Kajian ini akan menggunakan kaedah penyelidikan analisis kualitatif diskriptif ke atas data-data primer yang diperolehi berasaskan temubual secara "probing" dengan, ahli-ahli akademik dan pegawai-pegawai kerajaan yang berkaitan. Analisis yang sama juga akan dilakukan ke atas data-data sekunder yang terbuka, diperolehi daripada penerbitan rasmi kerajaan Malaysia dan Singapura, serta buku-buku, jurnal, media cetak dan elektronik. Dalam menganalisis data-data bagi kajian ini penyelidik juga menggunakan kaedah pemerhatian kerana pernah terlibat secara langsung sebagai diplomat Malaysia.

1.6 Susunan Bab

Kajian ini akan dibahagikan kepada lapan bab. Bab-bab tersebut ialah seperti berikut:

Bab I Pengenalan

Dalam bab ini penulis antara lain menyenaraikan rasional kajian, skop kajian, kepentingan kajian, soalan-soalan yang akan dijawab oleh kajian, dan metodologi kajian.

Bab II Tinjauan Bahan-Bahan-Bertulis

Dalam bab ini penulis menyenaraikan beberapa kajian yang lalu yang berkaitan dengan kajian ini.

Bab III Kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad

Dalam bab ini penulis memberi penjelasan mengenai definisi kepimpinan dan diikuti oleh falsafah kepimpinan Dr. Mahathir. Seterusnya gaya kepimpinan beliau sebagai Presiden UMNO, Sebagai Pengerusi Barisan Nasional dan Perdana Menteri dihuraikan. Akhir sekali ialah huraian berkaitan dengan kepimpinan beliau di Dunia Ketiga.

Bab IV Dasar Luar Malaysia Di Bawah Dr. Mahathir

Dalam bab ini penulis memberi definisi terhadap konsep dasar luar, politik dan keselamatan. Seterusnya penulis menjelaskan mengenai gaya Dr. Mahathir menguruskan dasar luar. Tema-tema dasar luar Malaysia juga dihuraikan dalam bab ini.

Bab V. Sejarah Hubungan Malaysia-Singapura

Penyelidik menghuraikan sejarah awal Malaysia dan Singapura dalam bab ini. Seterusnya ia diikuti pula oleh penerangan ringkas mengenai pembentukan Malaysia serta keadaan hubungan kedua negara dalam era Tunku Abdul Rahman, era Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

Bab VI. Evolusi Perubahan Sikap Dr. Mahathir Terhadap Singapura.

Seterusnya dalam bab ini penyelidik meneliti tahap-tahap perubahan sikap Dr. Mahathir terhadap orang-orang Cina pada amnya. Ini kerana sikap Dr. Mahathir terhadap Singapura tidak dapat lari dari pandangannya terhadap orang-orang Cina. Ringkasnya penulis menghujahkan bahawa sikap Dr. Mahathir kepada kedua-dua perkara tersebut amat bergantung kepada pengalamannya tinggal di Singapura dan cita-cita peribadi beliau untuk mendaki hirarki kepimpinan politik Malaysia. Apabila berada dipuncak kuasa sikapnya berubah dari pro Melayu kepada *lebih liberal terhadap kaum bukan bumiputra khususnya Cina untuk mengekalkan kuasa dan menyerlahkan lagi ketokohnya sebagai pemimpin ulung yang mementingkan*

meritokrasi untuk menyediakan Malaysia bersaing di pasaran dunia yang penuh persaingan.

Bab VII Isu-Isu Utama Dalam Hubungan Malaysia -Singapura 1981-1995

Dalam bab ini penulis menghuraikan enam belas isu utama dalam hubungan Malaysia Singapura dalam era kepimpinan Dr. Mahathir 1981-1995. Pada asasnya penulis cuba membuktikan walaupun ada beberapa ketegangan timbul dalam hubungan dua hala Malaysia-Singapura namun ianya dapat ditangani oleh Dr. Mahathir dengan berkesan. Akibatnya hubungannya secara relatif telah bertambah baik. Faktor utama yang menyumbangkan ke arah hubungan yang lebih normal ialah gaya kepimpinan dan sikap yang lebih "mild" dalam menangani isu-isu yang timbul dari masa ke semasa dengan Singapura. Penyelidik mendefinisikan sederhana sebagai "Malaysia tidak mengambil tindakan yang tegas dan keras terhadap Singapura berbanding dengan tindakan beliau ke atas negara -negara barat yang lain. Walaupun dalam beberapa kes jelas tetangga Malaysia itu mencampuri hal-ehwal dalam negeri Malaysia. Contoh-contohnya ialah seperti pencerobohan askar negara tersebut kedalam wilayah Malaysia, dan menjalankan aktiviti perisikan di Malaysia." Ini jelas bertentangan dengan kenyataan Dr. Mahathir yang berbunyi "*we would like to be friendly with all countries..... But as long as they refrain from intruding in our internal affairs, they are friends.*"⁷

Bab VIII Analisis Dan Kesimpulan

Penulis menganalisis mengapa kepimpinan Dr. Mahathir mengambil pendekatan yang berbeza di mana dalam menguruskan hubungan Malaysia-Singapura ianya lebih sederhana berbanding dengan perjuangannya yang "confrontational" di pentas politik dunia contohnya pelaksanaan dasar "*Buy British Last*", memulaukan

⁷ J. Victor Morais, Mahathir, *Profile of Courage, op.cit.* m.s. 46.

Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel pada tahun 1981 dan juga memulaukan pertemuan Ketua-Ketua Kerajaan *APEC* di Seattle pada tahun 1993. *Pada pandangan penulis langkah lembut yang diambil oleh Dr. Mahathir dalam mengurus hubungan Malaysia -Singapura ada kaitan yang rapat dengan kepentingan peribadinya untuk terus kekal berkuasa dalam politik Malaysia dan sedikit demi sedikit meletakkan asas sistem meritokrasi di dalam budaya orang-orang Melayu di negara yang majmuk sifatnya ini.* Namun sebagai alasan yang biasa segala-galanya dilakukan untuk kepentingan nasional Malaysia. Jelaslah juga beliau telah menggunakan isu "*Malay Dilemma*" untuk naik keperingkat tertinggi dalam politik Malaysia. Beliau juga menggunakan "dilema negara-negara membangun" untuk cuba dan akhirnya muncul sebagai jurucakap negara-negara Dunia Ketiga. Semuanya itu telah dapat mengukuhkan kedudukan beliau sebagai tokoh politik teragung serta di hormati di Malaysia pada masa ini.